

Bernama

WARGA ASING GUNA BAS GOKL KENA BAYAR

Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengenakan caj RM1 bagi setiap perjalanan kepada bukan warganegara Malaysia yang menggunakan perkhidmatan bas GOKL mulai 1 Januari depan.

DBKL dalam satu kenyataan kelmarin memaklumkan caj itu akan dilaksanakan secara berperingkat membabitkan empat laluan di sekitar pusat bandar iaitu Laluan 01 (Hijau), Laluan 02 (Ungu), Laluan 03 (Merah) dan Laluan 04 (Biru).

“Transaksi pembayaran adalah tanpa tunai iaitu melalui kad Touch ‘n Go, kod QR, kad kredit atau kad debit. Bagaimanapun, ia percuma bagi semua kanak-kanak yang berumur

Kutip caj RM1 mulai 1 Januari

12 tahun ke bawah termasuk bukan warganegara,” menurut kenyataan itu.

Sementara itu, warganegara Malaysia yang menggunakan Mykad dan mempunyai sistem Touch ‘n Go, perlu membuat pendaftaran MyKad berkenaan bagi menikmati perkhidmatan

percuma.

Susulan itu, DBKL menyediakan kaunter pendaftaran di tiga lokasi iaitu Hentian Bas KLCC, Hentian Akhir Titiwangsa (Pekeliling) dan Hentian Akhir Pasar Seni dari jam 7 pagi hingga jam 12 tengah hari dan jam 2 petang hingga

jam 7 malam mulai 1 Disember lalu.

Selain itu, petugas DBKL juga ditempatkan di dalam Bas GOKL terpilih bagi tujuan terbabit manakala kaunter pendaftaran secara berkala di Lobi Menara DBKL 1 turut dibuka setiap Rabu dari jam 9 pagi hingga jam 4 petang mulai 6 Disember lalu. Sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi talian 03-20282298 (waktu pejabat) atau e-mel kepada ipb@dbkl.gov.my.

“Warganegara Malaysia yang menggunakan Mykad dan mempunyai sistem Touch ‘n Go, perlu membuat pendaftaran MyKad berkenaan bagi menikmati perkhidmatan percuma”